

KAEDAH KOPERATIF SEBAGAI PILIHAN KELAS ABAD 21: SOROTAN LITERATUR

*Umi Kalthom Bte Mahbib
Fakulti Pendidikan,
Universiti Tun Hussin Onn*

*Ahmad Bin Esa
Fakulti Pendidikan,
Universiti Tun Hussin Onn*

umikalthommahbib@gmail.com.my, ahmad@uthm.edu.my

ABSTRAK

Seiring dengan kepesatan arus pendidikan negara khususnya, guru bukan sahaja perlu berjaya dalam bidang akademik, malah haruslah menguasai teknik-teknik pengajaran bagi menyahut kelas abad 21. Kementerian Pendidikan Malaysia hari ini memerlukan guru yang kreatif, koperatif dan kolaboratif semasa mengajar. Namun begitu, sikap guru dan pelajar yang tidak bersedia menyahut penggunaan kaedah mengajar secara koperatif dan pihak pentadbir sekolah menjadi salah satu punca pelajar yang dilahirkan tidak berkualiti dan prestasi akademik masih rendah. Berdasarkan teori sosiologi Vygotsky, elemen koperatif dan model koperatif jigsaw di kaji. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan kaedah pengajaran koperatif dalam kalangan pelajar di sekolah rendah serta hubungan antara kaedah koperatif dan teori Vygotsky berdasarkan sorotan literatur. Kepentingan dan keperluan kaedah koperatif dalam melahirkan pelajar yang bertaraf kelas abad 21 akan turut dibincangkan.

Kata kunci: kaedah pengajaran koperatif, Teori Vygotsky, Kaedah Jigsaw

ABSTRACT

Along with the rapid current state of education in particular, teachers must not only succeed academically, but also must master the techniques of teaching to meet the 21st century classroom. Ministry of Education today requires teachers who are creative, cooperative and collaborative learning while teaching. However, the attitude of teachers and students who are not prepared to take on the use of cooperative teaching methods and school administrators to be one of the causes of students who were born not of high quality and academic performance is poor. Based on Vygotsky's theory of sociology, elements of cooperative and cooperative learning jigsaw model are studied. This study aims to evaluate the effectiveness of cooperative teaching methods among students in primary and cooperative relationship between the methods based on Vygotsky's theory of literature. Interests and needs of the cooperative method in which students create class 21st century will also be discussed.

Keywords: cooperative teaching methods, Vygotsky's theory, Jigsaw method

1. PENGENALAN

Dalam kertas kerja ini, penyelidik akan menjelaskan lagi tujuan penghasilan kajian dengan maklumat- maklumat dan pernyataan yang dapat menyokong hujah pengkaji. Di sini, penyelidik akan menyentuh maklumat yang berkaitan dengan Konsep Pembelajaran

Koperatif , Model Koperatif Johnson (1989), Teori Vygotsky, Zon Perkembangan Proksimal (ZPD), Kaedah Struktural dan keperluan Pembelajaran Koperatif di abad ke 21 .

2. KONSEP PEMBELAJARAN KOPERATIF

Kaedah Pembelajaran Koperatif merupakan satu kaedah pembelajaran dan pengajaran untuk mengembangkan potensi murid serta memberi kepercayaan kepada murid mengendalikan dan melatih rakan sekumpulan sama-sama berjaya dalam pelajaran mereka (Cheng 2000). Pendekatan koperatif boleh dilaksanakan melalui pedagogi yang sesuai di dalam bilik darjah yang dinamik dan sentiasa menggerakkan pasukan kecil pelajar yang sentiasa berinteraksi dan bekerjasama dalam menghadapi pelajaran mereka. (Chen 2005 dan Sharan 1980).

Hal ini turut disokong oleh Pons, Sharon, Serrano, Lomeli & Buchs (2013) yang menyatakan Pendekatan Koperatif adalah satu bentuk system pengajaran yang sistematik yang terdiri daripada pelbagai tahap IQ yang berlainan. Pelajar saling bergantung antara satu sama lain dan guru-guru yang terlibat perlu diberi latihan khusus tentang kaedah Koperatif.

Manakala Whatley (2006) pula mengatakan kemahiran koperatif suatu kemahiran yang penting untuk mendapat prestasi yang baik. Kenyataan ini disokong oleh Wicaksono (2013) yang mengatakan model pembelajaran koperatif mampu menampilkan ketrampilan bersosial yang baik seperti bakat kepimpinan, mampu berkomunikasi, belajar mempercayai orang lain dan bijak mengatasi konflik.

Malah kajian yang dijalankan oleh Mohaffyza (2008) membuktikan Kaedah Koperatif ini menggalakkan para pelajar mengajar dan belajar sesama sendiri. Mereka berpeluang berkongsi pendapat dengan guru dan rakan. Mereka akan membina persahabatan dalam kumpulan. Mereka juga melatih bersedia mendengar pendapat rakan. Kaedah ini mampu menaikkan prestasi akademik mereka dan melatih mereka supaya lebih matang dan berkeyakinan.

Justeru itu penyelidik dapati kaedah pembelajaran koperatif banyak memberi peluang kepada pelaksanaan pembelajaran berpusatkan pelajar. Ini bermakna guru perlu mempunyai kemahiran bertindak sebagai fasilitator dalam bilik darjah. Bagaimanapun, pemilihan tajuk dengan mengambil kira faktor masa mempengaruhi pelaksanaan kaedah ini. Oleh itu, guru digalakkan mengadakan program perkongsian ilmu contohnya, lesson study dalam kalangan mereka agar percambahan idea dan pengukuhan teknik pengajaran dapat difikirkan bersama.

Bagaimanapun ramai sarjana mendapati Pembelajaran Koperatif merupakan satu inovasi pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Ahli kumpulan yang terdiri dari pelbagai tahap kebolehan dapat memupuk semangat bekerjasama, sentiasa bertimbangrasa, membaiki akhlak dan mahir bersosial. (Ng, 1999). Kenyataan ini disokong oleh Amira (2008) bahawa guru perlu menerapkan kemahiran sosial seperti bijak membuat keputusan, mahir mengurus sebarang konflik, mahir berkomunikasi dan saling membina kepercayaan.

Sarjana seperti Kagan (1994) juga setuju Pembelajaran Koperatif (PK) sesuai untuk golongan pelajar yang berbakat dan banyak memberi faedah seperti membaiki hubungan social, pencapaian pelajar dapat ditingkatkan, melatih kemahiran memimpin, penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi, cekap menggunakan peralatan teknologi dan berdaya keyakinan tinggi.

Justeru itu Amira (2008) dan Lai (2006) mencadangkan PK harus dijadikan kaedah pembelajaran yang penting dan diamalkan di semua sekolah, lebih baik dari kaedah pembelajaran tradisional, sesuai dengan permintaan dan cabaran dunia alaf 21. Kenyataan ini ditegaskan oleh Lai (2006) dan Yaakub (2014) bahawa PK menekankan pelajar akan belajar dalam kumpulan yang kecil. Biasanya dalam lingkungan empat hingga lima orang sahaja. Guru perlu menggalakkan perasaan yang sentiasa positif, saling menghargai pandangan sesama sendiri. Kenyataan ini disokong oleh kajian Yaakub (2014) yang menunjukkan PK sebagai sumber pembelajaran aktif dan berjaya membawa kesan positif.

Ini disokong oleh pendapat Shahabuddin Hashim et al (2007) dan Ahamad bin Rahim (2013) bagi menggalakkan penyertaan aktif pelajar, gerak kerja kumpulan diadakan supaya pelajar dapat berinteraksi sesama mereka sewaktu perbincangan dijalankan. Justeru itu penyelidik dapati intervensi perlu aktif untuk melibatkan pelajar sentiasa berinteraksi sepanjang perbincangan.

3. TEORI VYGOTSKY.

Teori Vygotsky yang diperkenalkan seawal abad kedua puluh telah memberi kesan kepada pendidikan dan sains sosial sehingga kini. Wertsch (2010) menggariskan tiga tema umum bagi Teori Vygotsky merangkumi pergantungan kepada kaedah genetic, atau pembangunan dan menegaskan fungsi sosial. Teori Vygotsky turut menekankan tema bahawa psikologi manusia adalah diselesaikan oleh alat-alat budaya dan tuntutan bahawa pandangan penting ke dalam fungsi mental individu yang boleh didapati dalam berfungsi dengan intermental dari mana ia berasal.

Melalui Teori sosiobudaya, beliau dapat menjelaskan bagaimana proses belajar dikatakan sebagai suatu proses sosial. Vygotsky dapati kecerdasan manusia berlaku dalam masyarakat atau melalui budaya masing-masing. Oleh kerana itu, Vygotsky meletakkan tema interaksi sosial sebagai peranan utama untuk berlakunya pembangunan kognitif itu.

Faktor inilah membawa kejayaan kepada pembelajaran koperatif boleh dikaitkan dengan teori Vygotsky tentang wujudnya Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Penemuan kolaborasi seseorang pelajar dengan rakan sebaya berjaya membantu kita membolehkannya menyelesaikan masalah yang susah dan kompleks.

Pembelajaran koperatif boleh membantu seseorang menjadi penyelesaian masalah yang baik kerana melalui perbincangan seseorang itu akan mendapat pelbagai perspektif dalam penyelesaian masalah. Lazimnya dalam perbincangan berkumpulan, pelajar akan bertanya kepada rakan-rakan mereka untuk memastikan kefahaman mereka adalah selari dengan rakan-rakan yang lain dan mereka boleh membuat perubahan. Keistimewaan PK ini memberi peluang kepada mereka untuk memikirkan semula serta membuat refleksi semasa perbincangan bagi membentuk kefahaman yang mendalam tentang sesuatu perkara. Yang penting pelajar boleh bertukar pendapat secara terbuka dan melahirkan proses pemikiran mereka secara lisan.

Selain itu, penyelidik dapati akan berlaku maklum balas dengan cepat dikalangan pelajar lemah sehingga mereka boleh mencontohi teknik dan strategi yang diguna oleh rakan-rakan mereka yang lebih pandai. Hal ini disokong oleh Zakaria & Habib (2006) & Sfard et al., (1998). yang menyatakan interaksi dalam kelas adalah penting bagi perkembangan kognitif pelajar. Semasa berkomunikasi, mereka perlu memberi

penjelasan tentang sesuatu perkara dan ini mereka dapat menghalusi pemikiran mereka. Di samping itu, guru juga boleh mengetahui kesukaran yang dihadapi pelajar .

Kajian Boyd & Maloof (2000) & Vygotsky (1978) mendapati guru mesti memberi peluang murid bercakap di dalam kelas dan melatih memparaktikkan ekspresi diri. Beliau menyatakan kunci untuk memahami bagaimana manusia berfikir adalah berkaitan dengan persekitaran budaya , institusi dan sejarah budaya yang dikuasai oleh pelajar. Jesteru itu ,Nazari (2012) mencadangkan kaedah meditasi digunakan sebagai pembawa corak sosio budaya dan sumber pengetahuan. Hal ini dikukuhkan dengan kenyataan Lantolf & Thorne (2006) yang mengatakan pengantaraan (fizikal atau psikologi) adalah 'alat bantu' dibina budaya di anactivity yang menghubungkan 'manusia untuk dunia objek-objek atau tingkah laku .


Oleh itu penyelidik bersetuju supaya pelajar-pelajar harus digalakkan belajar secara berkumpulan kerana sebarang masalah yang dihadapi boleh dibantu oleh rakan-rakan dalam kumpulan. Belajar secara kumpulan boleh meningkatkan keupayaan pelajar . Sokongan dan dorongan guru boleh memotivasikan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Penglibatan aktif pelajar semasa perbincangan boleh membawa perubahan terhadap peranan guru sebagai penyampai maklumat kepada pemudahcara yang berkesan. Kajian ini disokong oleh Zakaria & Habib (2006) bahawa perlu menyediakan panduan dalam membentuk aktiviti pembelajaran yang sesuai bagi pelajar.

Berdasarkan maklumat tersebut penyelidik dapati teori Vygotsky amat sesuai dijadikan fokus utama kajian menerapkan amalan pembelajaran dalam system persekolahan hari ini agar pelajar –pelajar dapat menelusuri abad 21 yang baik.

4. ZON PERKEMBANGAN PROKSIMAL (ZPD).

Selanjutnya berdasarkan teori Vygotsky juga , para sarjana mendapati wujud satu ruang yang dinamakan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) .Hal ini disokong oleh Jeffrey Wilhelm (2001) yang menyatakan Konsep ZPD menyediakan metafora yang menarik untuk mereka bentuk arahan dan menganalisis pembelajaran.

Merujuk dalam rajah 1 , dalam proses pengajaran pembelajaran koperatif , guru merupakan model pertama strategi baru dalam konteks penggunaan dan pelajarnya menonton. Guru akan mengajar mengikut strategi dipilih . Langkah seterusnya pada kontinum ini adalah untuk guru untuk melibatkan diri dalam tugas dengan pelajar membantu keluar. Langkah ketiga adalah untuk pelajar-pelajar untuk mengambil alih tugas menggunakan strategi dengan guru membantu dan campur tangan seperti yang diperlukan. Akhir sekali, pelajar bebas menggunakan strategi . Jika ada pelajar yang lebih maju, mereka boleh dilangkau ke depan ke titik kontinum. Manakala pelajar yang lemah menggunakan strategi yang dalam keadaan tertentu, guru mungkin perlu bergerak ke belakang satu langkah dengan menyediakan bantuan, atau mengambil alih tugas itu dan meminta pelajar untuk membantu.



Rajah 1: Cara Membantu pembaca melalui ZPD mereka pembangunan proksimal: iaitu Scaffolding.

Kejayaan Vygotsky menemukan ruang untuk membina potensi belajar kanak-kanak serta penggunaan ZPD sebagai konsep pembangunan kerja guru. ZPD juga dapat melihat bagaimana beberapa aset yang ada pada guru seperti menulis diari, rakan sebaya dan kerjasama mentor, kajian tindakan, praktikum dan wacana boleh menjadi scaffolders .

Hal ini disokong oleh Shabani (2010) yang menyatakan sumbangan ZPD kepada konsep scaffolder dan penilaian dinamik perlu diterokai secara meluas dan isu-isu pendidikan yang kontroversi berupaya ditangani. Konsep ZPD menyediakan metafora yang menarik untuk mereka bentuk arahan dan menganalisis pembelajaran. ZPD juga menimbulkan satu cabaran sebenar apabila diamalkan. Kajian ini menekankan prosedur untuk memberikan akaun yang lebih ketara ZPD, tetapi penyelidikan ZPD ini masih sedikit dan perlu penerokaan lanjut bagi mencerminkan implikasi ZPD dalam konteks pengajaran.

Kajian Shabani, K., Khatib, M., & Ebadi, S. (2010). Menyatakan dalam artikel mereka bahawa Zon Pembangunan Proksimal (ZPD) adalah asas bagi perisian reka bentuk rangka kerja. Penyelidik dapati Vygotsky membuktikan ZPD penting untuk membina dan mewujudkan interaksi kerjasama yang paling berkesan di antara pelajar.

Kenyataan ini dikukuhkan lagi oleh Luckin, R. (2001) telah menjadikan ZPD sebagai asas pembinaan perisian software yang bernama The Ecolab. Beliau menyatakan ZPD sangat berguna sebagai teori konstruk bagi reka bentuk perisian software dan telah menghasilkan interaksi adan kerjasama yang paling berkesan antara perisian computer dengan pelajar itu sendiri. Hasil kajian mendapati interaksi dan pengalaman bekerjasama kanak-kanak dapat meningkatkan pembelajaran dan pengajaran pelajar.

Manakala Briner (1999) menulis bahawa Vygotsky menemui ZPD iaitu suatu zon carigali bagi pelajar mengembangkan dan membangunkan idea kognitif mereka dan ketika di zon ini pelajar sangat memerlukan bantuan serta interaksi sosial bagi membentuk pemahaman konsep ilmu.

Oleh itu penyelidik bersetuju peranan guru dan rakan sebaya yang lebih bijak atau berpengalaman dapat membantu dan memahamkan kefahaman pelajar lain sebab pengetahuan selalu meningkat dan pelbagai kemahiran. Guru dan murid diumpamakan sebagai perencah untuk menyokong daya pemahaman pelajar yang lemah.


Hal ini diakui oleh Nazari (2012) yang menyatakan Vygotsky mendapati ZPD di cipta semasa interaksi social. Perkembangan kognitif kanak-kanak wujud setelah kanak-kanak itu dapat berinteraksi dengan lebih ramai orang yang berpengalaman atau rakan yang lebih bijak. ZPD menyediakan laluan untuk perkembangan intelek. Vygotsky juga percaya inretaksi social bersama ibubapa, guru dan rakan-rakan seperjuangan.

Cole (2008) juga menjelaskan lazimnya korteks otak kana-kanak belum dapat berfungsi dengan baik untuk mempelajari sesuatu yang baru. Tetapi setelah melalui proses pembinaan idea baru, mereka mula menjadi matang dan dapat memahami pengetahuan baru. Mereka mula mengambil tanggungjawab dan menghasikan budaya baru dan bermasyarakat atau berkumpul.


Berdasarkan kajian sarjana di atas, penyelidik bercadang untuk mengaplikasikan konsep ZPD dalam kajian ke atas pelajar-pelajar pemulihan di sekolah.

5. MODEL WILEARN


Chew & Ding (2014) telah berjaya menghasilkan Pembelajaran Koperatif secara Wiki iaitu WiLearn. Ia adalah projek kerjasama penyelidikan dengan UK dan Malaysia yang mengkaji penggunaan wiki dalam amalan peer review dengan pelajar dalam pelajaran bahasa Cina di Malaysia, mengikut pengalaman TEL di United Kingdom. Mereka telah mengkaji kesan penggunaan wiki di ZPD dan ZDD pelajar dalam pembelajaran bahasa Cina dan polaritas ZPD dan ZDD. Keputusan menunjukkan bahawa wiki menyediakan pembelajaran masyarakat dan menyumbang kepada proses pembelajaran kolektif dan kerjasama.



Rajah 3 : Kesan ZDD Model WiLearn



Rajah 4 : Kesan ZPD Model WiLearn



Rajah 5 : Perkongsian Nilai Model WiLearn

Mengikut Chew (2014) sistem pedagogi WiLearn, ia berjaya mempertingkatkan pengalaman pembelajaran pelajar untuk pengajian bahasa Cina. Secara umumnya, pelajar akan lebih sopan dan intuitif apabila menyediakan semakan dan komen dalam pendekatan muka-muka yang berdasarkan pengalaman mengajar agensi tempatan. Wiki memudahkan komunikasi lebih dalam kedua-dua agenda bahasa dan inklusif. Pelajar yang disediakan reflektif perbincangan dan peer review komen dalam proses WiLearn mengalami pembangunan proksimal pembelajaran melalui perkongsian pengalaman dan gred akhir mereka.

Penemuan ini mencadangkan bahawa wiki memudahkan prinsip pendidikan penting bagi pelajar Cina, yang ZPD Vygotsky.

Kajian Chew (2014) mendapati hasil wacana adalah kurang kritikal dan kajian di kalangan pelajar adalah jelas. Chew dapati lebih kritikal ketika mendapatkan semula komen orang lain melalui WiLearn.

Walaupun menurut Chew (2014) kelemahan WiLearn ialah tidak berfungsi semasa mengarang bersama dan penyuntingan. Agensi tempatan meminta agar peserta secara manual membangunkan jadual ringkasan untuk merekodkan pindaan, seperti termasuk tarikh penyuntingan dan justifikasi untuk edit.


Walaupun, hari ini Pembelajaran Koperatif telah digunakan dalam pelbagai sudut pembelajaran samada di arus perdana sekolah atau di peringkat pembelajaran online.

6. MODEL KOPERATIF JOHNSON.

Pembelajaran koperatif adalah penggunaan pengajaran kumpulan kecil supaya pelajar bekerja bersama-sama untuk memaksimumkan mereka sendiri dan antara satu sama lain pembelajaran. (Johnson 2009 & Johnson, Johnson, & Holubec, 1993)

Hal ini disokong oleh Erlbaum, Taylor, Group, & David (2009) bahawa dalam kumpulan pembelajaran koperatif, pelajar akan membincangkan bahan untuk belajar antara satu sama lain, bantuan dan membantu satu sama lain untuk memahaminya, dan menggalakkan satu sama lain untuk bekerja keras. Kumpulan pembelajaran koperatif boleh digunakan untuk mengajar kandungan tertentu (kumpulan pembelajaran formal koperasi), untuk memastikan pemprosesan kognitif aktif maklumat semasa ceramah atau demonstrasi yang tidak rasmi kumpulan pembelajaran koperatif.

Jesteru itu, penyelidik yakin konsep saling bergantung di kalangan pelajar dapat menentukan bagaimana cara berinteraksi dengan antara satu sama lain dan inilah yang menentukan kejayaan sesuatu kumpulan. Situasi bekerjasama akan menyebabkan pelajar berinteraksi dalam cara yang menggalakkan kejayaan satu sama lain. Para sarjana juga bersetuju bahawa corak interaksi penentu hasil pengajaran, yang boleh digolongkan dalam tiga kategori utama yang saling berkaitan dan usaha yang dikenakan untuk mencapai, kualiti hubungan di kalangan peserta, dan kecekapan sosial.



Rajah 6: Hasil dari Pembelajaran Koperatif (Johnson & Johnson, 1989)

7. KAEDAH STRUKTURAL

Hasil penerokaan Spencer Kagan(2000) , beliau menekankan pada struktur – struktur khusus yang dirancang untuk mempengaruhi pola – pola interaksi di kalangan pelajar.Kagan Berjaya menyusun pelbagai kaedah Pembelajaran Koperatif yang mudah diajar pada para pelajar.

Contoh teknik pembelajaran struktural iaitu :

a. Mencari Pasangan (Make a Match)

Cara teknik ini dijalankan adalah pelajar mencari pasangan sambil belajar mengenai suatu konsep atau topik dalam suasana yang menyenangkan. Langkah – langkahnya :

- 1) Guru menyiapkan beberapa kad yang berisi beberapa konsep atau topik yang cocok untuk sesi review (persiapan menjelang ujian).
- 2) Setiap pelajar mendapat sekeping kad.
- 3) Setiap pelajar mencari pasangan yang mempunyai kad yang sama.
- 4) Pelajar juga bergabung dengan dua atau tiga orang pelajar lain yang memegang kad yang sama.
- 5) Semua pelajar berbincang bagi menyelesaikan tugas secara bersama – sama.
- 6) Mengadakan persembahan atau kuiz.

b. Bertukar Pasangan

Langkah – langkahnya :

- 1) Setiap pelajar mendapatkan satu pasangan .
- 2) Guru memberikan tugas dan pelajar mengerjakan tugas dengan pasangannya.
- 3) Setelah selesai setiap pasangan bergabung dengan satu pasangan yang lain.
- 4) Kedua pasangan tersebut bertukar pasangan. Masing – masing pasangan yang baru ini kemudian saling menanyakan dan mengukuhkan jawaban mereka.
- 5) Temuan baru yang didapatkan dari pertukaran pasangan kemudian dibagikan pada pasangan semula.

c. Berkirim Salam dan Soal

Langkah – langkahnya :

- 1) Guru membahagi pelajar dalam empat kumpulan dan setiap kumpulan ditugaskan untuk menuliskan beberapa pertanyaan yang akan dikirim ke kumpulan lain. Guru akan mengawasi dan membantu memilih soal-soal yang cocok.
- 2) Kemudian masing-masing kelompok mengirimkan satu orang utusan yang akan menyampaikan salam dan soal dari kelompoknya.
- 3) Setiap kelompok mengerjakan soal kiriman dari kelompok lain.
- 4) Setelah selesai jawaban setiap kumpulan disuaikan dengan jawaban kumpulan yang membuat soal.


d. Bercerita Berpasangan

Teknik ini menggabungkan kegiatan membaca, menulis, mendengarkan dan berbicara. Langkah – langkahnya :

- a) Pengajar membahagi bahan pelajaran menjadi dua bahagian.
- b) Guru memberikan pengenalan topik yang akan dibahas dalam pelajaran.
- c) Pelajar dipasangkan
- d) Bahagian pertama bahan diberikan kepada pelajar yang pertama sedangkan pelajar yang kedua menerima bagian yang kedua.
- e) Kemudian pelajar disuruh membaca atau mendengarkan bahagian mereka masing-masing
- f) Sambil membaca/mendengarkan pelajar mencatat beberapa kata kunci yang ada dalam bahagian masing-masing.
- g) Pelajar berusaha untuk mengarang bagian lain yang belum dibaca/didengarkan berdasarkan kata kunci.
- h) Setelah selesai menulis, beberapa pelajar diberi kesempatan untuk membacakan hasil karangan mereka.

- i) Guru membahagikan bahagian cerita yang belum terbaca kepada pelajar masing – masing
- j) Diskusi mengenai topik tersebut.

8. KAEDAH JIGSAW



Rajah 7 : Kaedah Jigsaw

Langkah – langkahnya :

- a. Kelas dibagi menjadi beberapa kumpulan yang anggotanya terdiri 4 atau 5 siswa dengan ciri heterogen.
- b. Bahan akademik diberikan kepada pelajar dalam bentuk teks dan setiap pelajar bertanggung jawab untuk mempelajari suatu bahagian dari bahan akademik tersebut.
- c. Para anggota dari beberapa kumpulan yang berbeda memiliki tanggung jawab untuk mempelajari suatu bagian akademik yang sama dan selanjutnya berkumpul untuk saling membantu mengkaji bahagian bahan tersebut (kumpulan pakar).
- d. Pelajar yang berada dalam kelompok pakar kembali ke kelompok semula (home teams) untuk mengajar anggota lain mengenai bahan yang telah dipelajari dalam kelompok pakar.
- e. Setelah diadakan pertemuan dan perbincangan dalam "home teams " pelajar dinilai kefahaman secara individu.

Penyelidik dapati kaedah Jigsaw lebih menarik dan mudah diaplikasikan dikalangan pelajar di Malaysia. Kemahiran melatih pelajar menjadi pakar dalam menguasai tajuk-tajuk tertentu akan mempercepatkan proses pemahaman ilmu dikalangan pelajar.

9. KEPERLUAN PEMBELAJARAN KOPERATIF DI ABAD KE 21.

Pada abad ke-21, teknologi memainkan peranan yang semakin penting dalam pendidikan tinggi. Institusi menerima pakai penyelesaian inovatif yang akan mengubah cara pelajar belajar, berkomunikasi, mengeluarkan, bekerjasama, dan belajar di dalam dan di luar kampus-penyelesaian yang juga akan meningkatkan interaksi antara fakulti, kakitangan dan pelajar. Mewujudkan perkhidmatan inovatif dan teknologi masa depan memerlukan yang kuat, boleh dipercayai, diperkembangkan dan selamat infrastruktur IT yang mempunyai lebar jalur yang mencukupi, kualiti perkhidmatan, dan penyimpanan. Kini kolej dan universiti telah membangunkan jangka pendek dan jangka panjang rancangan untuk memastikan kejayaan dalam memenuhi keperluan semasa dan masa depan mereka. (McKee, 2009)

Sebab itu lama, sikap tradisional, hierarki dan patriarki memberikan cara untuk lebih pendekatan kolaboratif. Lama, berwibawa, "berpusatkan guru" atau "pakar berpusatkan" pendekatan untuk pengajaran adalah seperti sebagai hitam dan putih burnout

televisions. Teacher adalah satu fenomena sedih yang menjejaskan profesion perguruan dalam pelbagai cara. Pemimpin pendidikan mesti berusaha untuk memperbaiki keadaan di mana cara guru-guru bekerja, berusaha untuk mengekalkan guru cemerlang dan terus mencari jalan untuk meraikan dan menghargai mereka. Pengurangan besar menjejaskan pendidikan dalam 25 tahun lepas. Pelajar hari ini tidak ingat masa sebelum mereka berkurangan. Pelajar hari ini dahagakan motivasi, inspirasi dan bimbingan dari guru.

Pelajar celik teknologi hari ini mempunyai dunia sumber dan maklumat di hujung jari mereka. Mereka bosan dengan janji-janji kabur bahawa pembelajaran bahasa akan mendapatkan mereka pekerjaan yang lebih baik. Pasaran kerja hari ini memerlukan lebih daripada pengetahuan bahasa lain.

Hal ini disokong oleh Eaton (2010) bahawa pada abad kedua puluh satu, satu set kemahiran penting yang komprehensif diperlukan untuk pekerjaan. Ini termasuk kecekapan dalam bidang-bidang di luar bahasa numerasi, kemahiran berfikir dan bijak computer serta kemampuan bekerja dengan orang lain.

Kenyataan ini disokong juga oleh Chew dan Ding (2014) yang mengatakan latihan kerja berpasukan dan amalan harus disepadukan di seluruh kontinum pendidikan profesional dan menekankan kemahiran komunikasi, kerjasama, kejelasan topik, penyelesaian konflik, kuasa yang sama, kepercayaan, konflik yang konstruktif, komitmen dan akauntabiliti, di samping menyediakan peluang kepada pelajar untuk memupuk budaya yang menggalakkan ahli-ahli pasukan untuk menggunakan kemahiran ini untuk menyelesaikan masalah biasa.

RUMUSAN

Pendidikan Koperatif mengutamakan pendidikan *secara* berkumpulan. Oleh itu latihan untuk para amat penting dalam membentuk kemahiran ini. Pelbagai model boleh dijadikan panduan untuk memberi sebarang latihan bagi membina kemahiran kepada pelatih. Penerapan Pembelajaran Koperatif di peringkat sekolah akan menjadi pelengkap dalam Pendidikan alaf ke 21. Menerusi Pembelajaran Koperatif, pelajar akan belajar dalam situasi pembelajaran lebih seimbang dalam konteks pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Seterusnya kemahiran yang diperolehi oleh pelajar dapat diaplikasikan dalam menjalani kehidupan insaniah pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri (2012). Islamic Education teachers' perceptions of the teaching of akhlāq in Malaysian secondary schools, National University of Malaysia, Malaysia, pages 371-386, DOI:10.1080/03057240701553347
- Albert Bandura (1971). "Social Learning Theory". General Learning Corporation. Retrieved 25 December 2013.
- Ames, Carole (1984). Classrooms: Goals, structures and student Motivation. Department of Educational Psychology.

- Cassidy J (1999). "The Nature of a Child's Ties". In Cassidy J, Shaver PR. *Handbook of Attachment: Theory, Research and Clinical Applications*. New York: Guilford Press. pp. 3–20. [ISBN 1-57230-087-6](#)
- Chen, Jing; Wang, Ying(2013). *Theory and Practice in Language Studies*3.7: 1258-1263. Academy Publisher
- Charles Igel(2012). *Generation Z, meet cooperative learning*, : 16-21 National Middle School Association
- David W. Johnson and Roger T. Johnson (2009). *An Educational Psychology Success Story: Social Interdependence Theory and Cooperative Learning*, EDUCATIONAL RESEARCHER 2009; 38; 365. DOI: 10.3102/0013189X09339057
- Effandi Zakaria, & Zanaton Iksan. (2007). *Promoting Cooperative Learning in Science and Mathematics Education: A Malaysian Perspective*. Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education, 3(1), 35-39.
- Ee Ah Meng (1990). *Pedagogi : Satu Pengenalan*. Edisi Kedua. Petaling Jaya: Siri Pendidikan Fajar Bakti
- Fuchs, D., L. Fuchs, P. Mathes, & D. Simmons(1997) . "Peer Assisted Learning Strategies: Making Classrooms More Responsive to Diversity." AMERICAN EDUCATIONAL RESEARCH JOURNAL 34 : 174-206.
- Gage, N.L., & Berliner, D.(1979). *Educational Psychology. Second Edition*, Chicago: Rand Mc. Nally
- Ghazali, S. (2002). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Hafizah Husain (2006). *KESAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF TEKNIK 'JIGSAW' DI KALANGAN PELAJAR KEJURUTERAAN UKM*, Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan ,Fakulti Kejuruteraan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hwang, G.-J., Yin, P.-Y., Hwang, C.-W., & Tsai, C.-C. (2008). *An Enhanced Genetic Approach to Composing Cooperative Learning Groups for Multiple Grouping Criteria*. *Educational Technology & Society*, 11 (1), 148-167.
- Hazan C, Shaver PR (1987). "Romantic love conceptualized as an attachment process". *Journal of Personality and Social Psychology* 52 (3): 511–24. doi:10.1037/0022-3514.52.3.511. PMID 3572722.
- Khalijah Mohd. Salleh. (1999). *Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik: Satu Pendekatan yang Praktikal*. In Mohd Yusof Othman (Ed.), *Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains Jilid 7* (ms 61-83). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kagan, S (1992). "Cooperative Learning Resources For Teachers". Riverside, CA: University of California at Riverside.

- Kelliher, A.V. , (1931)."A Critical Study of Homogeneous Grouping." CONTRIBUTIONS TO EDUCATION (Teachers College Bureau of Publications, Columbia University) 452 .
- Lieberman, A. & Mace, D. P. (2010). Making Practice Public: Teacher Learning in the 21st Century. *Journal for Teacher Education*, 61(1-2), 77-88.
- Jeanie M. Dotson,2001 . Cooperative Learning Structures Can Increase Student Achievement, Kagan Online Magazine, Winter.
- Jupe UNS, Vol. 1 No. 2 Hal. 1 s/d 10 Herman R.W, *Penerapan Model Kooperatif Tipe TGT dengan Media Permainan Puzzle Untuk Meningkatkan Prestasi Belajar. Mei, 2013*
- Nesbitt, V. N. 1993. Teaching and learning Mathematics through classroom discussion. *Arithmetic Teacher*. 41(4): 225-227 Merriam-Webster. Retrieved 30 October 2012. "Definition of ETHOLOGY". "2: the scientific and objective study of animal behaviour especially under natural conditions"
- Mohaimin Tabrani ,2013,KEKANGAN APLIKASI PENGAJARAN KOPERATIF DI SEKOLAH RENDAH ,Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Muhamadul Bakir Hj. Yaakub (2007). Teaching Arabic As A Second Language: An Evaluation Of Key Word Method Effectiveness, *Jurnal Teknologi*, 46(E) Jun 2007: © Universiti Teknologi Malaysia. doi: 10.11113/jt.v46.308
- Marohaini Yussof (2004). *Perlakuan dan proses menulis karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia
- Muhamad Faiz Ismail (2012). *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*, GJAT || VOL 2 ISSUE 2 | 53ISSN : 2232-0474 | E-ISSN : 2232-0482 www.gjat.my
- Rutter, Michael (1995). "Clinical Implications of Attachment Concepts: Retrospect and Prospect".*Journal of Child Psychology & Psychiatry* 36 (4): 549–71. doi:10.1111/j.1469-7610.1995.tb02314.x.PMID 7650083
- Rita Rani Mandal(2009). Cooperative Learning Strategies to Enhance Writing Skill, *The modern journall of applliied lliinguiistiics* Volume 1:2 March 2009 ISSN 0974 – 8741
- Slavin, R.E.(1987). "Ability Grouping and Student Achievement in Elementary Schools: A Best Evidence Synthesis." *REVIEW OF EDUCATIONAL RESEARCH* 57, no.3 : 293-336
- Slavin, R.E. (1991).*Synthesis of Research on Cooperative Learning.*" *EDUCATIONAL LEADERSHIP* 48, no.5 : 71-82.
- Sahidan Hashim (2009). *Kreativiti Guru Menjadikan Pengakaran dan Pembelajaran lebih Efektif, Menarik dan Menyeronokkan*. *Jurnal Paradigma IPG Tuanku Bainun*, Bukit Mertajam, 8, 63-69
- Suhaida (2004).*Kesan Pembejaran Koperatif terhadap Konsep sendiri Akademik Di dalam Pendidikan Perakaunan*.*Pertanika J.Soc.Science*.

- Saovapa Wichadee, Wiwat Orawiwatnakul(2012). Cooperative Language Learning: Increasing Opportunities For Learning In Teams, *Journal of College Teaching & Learning* – Second Quarter, Volume 9, Number 2
- Sanderson, Catherine (2010). *Social Psychology*. John Wiley & Sons, Inc. p. 112. ISBN 9780471250265.
- Siti Zabidah Mohamed. (2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan murid tingkatan IV. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia
- Wind-chill P. D., Rose J. P., Stalkfleet M. T., Smith A. R. (2008). "Are people excessive or judicious in their egocentrism? A modeling approach to understanding bias and accuracy in people's optimism". *Journal of Personality and Social Psychology* 95 (2): 253–273. doi:10.1037/0022-3514.95.2.253.
- Xiangqin Song, Hengchan Yin, Qiong Wang(2012). The Effect of Cooperative Learning Mode Applied in the University Students' Shaping Class. *Creative Education* 2012. Vol.3, Supplement, 6-10 Published Online December 2012 in SciRes (<http://www.SciRP.org/journal/ce>)
- Zaharah Hussin ,2005. MENDIDIK GENERASI BERAKHLAK MULIA: FOKUS PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM
- Zaharah Hussin,2013. Program j-QAF Dalam Pembangunan Akhlak Murid : Analisa Dari Sudut Profesionalisme Perguruan j-QAF, Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF ,19 -20 Jun 2013, Puri Pujangga, UKM.
- Zakaria, E., & Habib, A. B. D. R. (2006). MATRIKULASI DALAM MATA PELAJARAN MATEMATIK pembelajaran peringkat tinggi kepada pelajar Bumiputera . Ini selaras dengan pengajaran dan pembelajaran yang lama iaitu tahun 60-an dan 70-an . Sebahagian. *Journal Teknologi UTM*, 45, 43–62.